

Mayat disahkan identiti diserahkan kepada waris

Amsterdam: Mayat mangsa nahas pesawat MH17 yang disahkan identiti dan kerakayatangannya akan terus diserahkan kepada ahli keluarga atau waris masing-masing.

Ketua Delegasi Pasukan Siasatan Khas Malaysia, Khairil Hilmi Mokhtar, berkata urusan penghantaran pulang akan dilakukakan seberapa segera.

“Kita tidak menunggu pengesahan semua mayat selesai kerana itu akan mengambil masa dan ia tidak adil bagi ahli keluarga.”

Khairil Hilmi Mokhtar,
Ketua Delegasi Pasukan Siasatan Khas Malaysia

Khairil Hilmi berkata, pasukan DVI boleh memeriksa lima mayat pada satu masa mengikut prosedur standard antarabangsa yang ketat.

Katanya, aspek itu amat dititikberatkan kerana hasil pengecaman perlu memiliki integriti dan kredibiliti tertinggi.

Malaysia tambah pakar bantu kenal pasti mangsa

» Belanda beri kepercayaan bagi percepat proses pengecaman



Veena Rusli

veena@bh.com.my
Amsterdam, Belanda

Malaysia terus meraih kepercayaan Belanda apabila diminta menambah bilangan pakar bagi membantu proses mengenal pasti identiti mangsa nahas pesawat MH17 yang dijalankan di kem tentera Hilversum, kira-kira 45 kilometer dari Amsterdam.

Ketika ini, 28 pakar forensik dan penyiasat perubatan Malaysia membantu pasukan Pengecaman Mangsa Bencana (DVI) yang diketuai oleh Belanda.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata pertambahan berikutnya

membabitkan 11 pakar yang ketika ini masih berada di Kharkiv, Ukraine bagi urusan penghantaran mayat mangsa, menjadikan jumlahnya 39 orang dengan pasukan DVI Malaysia diketuai Dr Mohd Shah Mahmud.

“Kumpulan ini membabitkan pakar daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Kimia dan Kementerian Kesihatan.

“Pertambahan bilangan ini adalah permintaan Kerajaan Belanda yang memahami pentingnya urusan mengenal pasti identiti dan pengecaman dilakukan dengan secepat mungkin.

Proses ikut prosedur

“Pada masa sama, prosesnya perlu mengikut prosedur ditetapkan tanpa kompromi dalam mana-mana aspek kerana kita mahu memulangkan jasad yang betul kepada ahli keluarga dan waris mangsa,” katanya kepada media Malaysia di sini, semalam.

Tiong Lai berkata, operasi pasukan Malaysia yang membantu urusan penghantaran



mayat di Kharkiv ditutup berikutan ketibaan kumpulan terakhir di Eindhoven.

Kelmarin, 40 keranda mayat mangsa dihantar menerusi penerbangan khas pesawat Hercules C-130 milik Tentera Udara Diraja Belanda dan C-17 Globemaster Tentera Udara Diraja Australia ke pangkalan penerbangan tentera Eindhoven.

Ia diikuti 80 mayat mangsa yang dihantar semalam dan bakinya dijadual tiga hari ini dengan semuanya menerima penghormatan penuh adat istiadat ketenteraan.

Mengulas dakwaan 40 mayat yang tiba kelmarin turut membabitkan rakyat Malaysia, Tiong Lai berkata, belum

ada pengesahan diterima dan saya akan menjadi orang pertama dihubungi pasukan DVI kita di Hilversum sebaik ada rakyat kita dikenal pasti.

Pemeriksaan berulang

Katanya, Malaysia turut meminta kerjasama Kerajaan Ukraine melakukan pemeriksaan berulang di lokasi nahas di Donetsk bagi memastikan tiada aspek yang terlepas pandang, termasuk cebisan anggota badan mangsa.

“Pakar berupaya mengesan dan mengenal pasti punca sebenar kejadian menerusi bukti yang diperoleh pada mayat atau fragmen ditemui,” katanya.

Sehubungan itu, Tiong Lai meminta semua pihak terutama keluarga mangsa memberi ruang secukupnya bagi pasukan pakar teknikal mengenal pasti mayat memandangkan tragedi MH17 adalah jenayah antarabangsa.

Tegasnya, komitmen Malaysia dalam menangani isu nahas MH17 tidak berubah sejak hari pertama dan cabaran pertama iaitu membawa keluar mayat dilepasi dengan baik.

"Ini adalah siasatan jenayah dan mempunyai implikasi perundangan, seharusnya dilakukan secara profesional," katanya.

LIAM percepat bayaran pampasan

Kuala Lumpur: Anggota Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) akan mempercepat proses tuntutan untuk pembayaran pampasan kepada waris mangsa tragedi pesawat MH17.

Presiden LIAM, Vincent Kwo, berkata anggotanya bersetuju mengetepikan keperluan sijil mati dan akan mempercepat pembayaran tuntutan dalam tempoh seminggu sebaik saja waris sudah disahkan.

"Tragedi ini membabitkan banyak orang tidak bersalah. Walaupun sesetengah daripada polisi ada klausa pengecualian, syarikat anggota LIAM membuat pertimbangan khas untuk mengetepikan klausa itu berikutan keadaan yang luar biasa ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Penumpang dan anak kapal penerbangan MH17 dilaporkan membeli 95 polisi insurans hayat membabitkan kira-kira RM13.7 juta.

Katanya, anggota keluarga atau waris pemegang polisi, boleh menghubungi syarikat insurans terbabit secara langsung atau LIAM, untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perlindungan insurans ke atas orang dikasihi. **BERNAMA**

Mayat terakhir dijangka diterbangkan ke Belanda esok

BH 25/7/14 MS8

Donestk: Kumpulan mayat terakhir mangsa tragedi MH17 yang dikeluarkan kumpulan pemberontak dari lokasi nahas di Grabovo, di sini dijangka dapat diterbangkan ke Eindhoven, Belanda selewat-lewatnya esok.

Ia berikutan proses forensik, termasuk prosedur Pengesanan Mangsa Bencana (DVI) di satu lokasi sulit di Kharkiv, kira-kira 300 kilometer dari sini dijangka selesai sepenuhnya hari ini.

Dipantau sepenuhnya oleh Pertubuhan Keselamatan dan Kerjasama Eropah (OSCE) yang mengetahui siasatan di lokasi nahas MH17, prosedur itu menggabungkan kepakaran tiga negara - Malaysia, Belanda dan Australia.

Ketua Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN), Leftenan Kolonel Mohd Sukri Hussien, berkata sepanjang tempoh 24 jam lalu, pasukan forensik mula memeriksa mayat dari gerabak ke-

reta api berkenaan yang tiba dari tiba dari Toréz di Kharkiv, Selasa lalu

"Kita yakin kerja-kerja dapat diselesaikan esok (hari ini) sebelum diterbangkan ke Eindhoven bagi proses selanjutnya, termasuk tuntutan oleh waris dan keluarga mangsa untuk disemadikan, katanya kepada pemberita, di sini semalam.

Keperluan mendesak

Mohd Sukri berkata, ada keperluan mendesak untuk mempercepatkan prosedur pemeriksaan forensik dan pengesanan mayat, sekali gus mengakhiri penantian keluarga dan waris mangsa sejak insiden berlaku 17 Julai lalu.

"Kita masih belum dimaklumkan perkembangan terkini pergerakan (ke Eindhoven), namun kita bersikap optimis dan yakin kumpulan terakhir mayat mangsa dapat diterbangkan selewat-lewatnya pada Sabtu.



Pasukan Penyelamat Khas Malaysia (SMART) menandatangani mayat mangsa MH17 untuk pemeriksaan forensik di Kharkiv, semalam. (FOTO BERNAMA)

"Semua petugas dari Malaysia, begitu juga Belanda dan Australia bekerja keras mempercepatkan proses pengurusan mayat mangsa," katanya.

Bagaimanapun, beliau me-

negaskan sekalipun proses pemeriksaan forensik itu dipercepatkan, namun ia tetap dilaksanakan mengikut garis panduan ditetapkan yang menepati piawaian antarabangsa.